

Tujuh ciri kedudukan kewangan sihat

Konsumer perlu buat rancangan betul elak dibebani hutang

URUS WANG ANDA

BAGI mengakhiri siri artikel siri pembelajaran kewangan, kita akan mengkaji ciri-ciri semula jadi yang dimiliki mereka yang mempunyai kewangan sihat.

Kita tidak boleh menasar matlamat yang tidak boleh dilihat. Kita juga tidak boleh mencapai kewangan sihat jika kita tidak merancang.

Justeru, bagaimana caranya untuk mengetahui jika kita mempunyai kewangan yang sihat atau tidak.

Berikut adalah ciri-ciri semula jadi yang boleh memberikan panduan kepada anda:

● **Kebolehan untuk hidup tanpa bergantung kepada hutang konsumer.**

Hampir semua rakyat Malaysia mempunyai hutang

konsumer. Kebanyakan kita mempunyai kad kredit (bukan satu, malah beberapa kad), dan sesetengah pula menanggung hutang dari satu bulan ke satu bulan.

Kereta yang dibeli dengan skim sewa-beli juga adalah satu jenis hutang. Konsumer. Anda boleh mendefinisikan hutang konsumer sebagai proses meminjam wang untuk sesuatu yang nilainya akan berkurangan

selepas membelinya.

Orang muda yang baru bekerja akan menggunakan kemudahan hutang konsumer untuk membeli peralatan rumah yang baru atau membaiki kereta.

Mana-mana golongan pekerja yang bergantung kepada hutang konsumer untuk menyara hidup sehingga akhir bulan tidak mempunyai keadaan kewangan yang sihat.

Terlalu bergantung kepada hutang konsumer adalah jalan menuju kegawatan kewangan.



● **Keupayaan memiliki rumah bebas hutang sebelum bersara.**

Kita hidup di zaman yang berbeza dari zaman nenek moyang kita dan cara untuk memiliki rumah juga adalah berbeza.

Hari ini, dengan pembayaran 10 peratus sebagai wang pendahuluan (sesetengah tidak mengenakan pendahuluan langsung), kita sudah boleh memiliki rumah.

Sepatutnya bayaran ansuran rumah habis dibayar semasa bersara tetapi sekarang institusi kewangan mungkin akan memanjangkan tempoh pembayaran sehingga anda berumur 75 tahun!

Mungkin ia membuatkan bayaran ansuran bulanan



KEUPAYAAN memiliki rumah bebas hutang sebelum bersara antara ciri

mampu dibayar tetapi ini bermakna anda tidak boleh bersara sehingga anda mencapai usia 75 tahun.

Keadaan optimum kewangan seseorang adalah apabila ia tidak perlu lagi membayar hutang rumah semasa bersara.

Pilihan lain adalah, anda mempunyai dana yang boleh menjana pendapatan yang boleh membayar ansuran bulanan semasa bersara.

Walau apa cara pun, anda dapat bersara tanpa berhutang.

● **Keupayaan untuk menikmati persaraan yang terja-**

min dan dihormati.

Kajian ada menunjukkan kurang lima peratus daripada manusia akan mempunyai kebebasan kewangan semasa bersara dan lebih dari separuh akan mengalami keadaan kewangan yang mengecewakan.


Di sini, masa memainkan peranan yang paling penting dan jikalau boleh, simpan duit sebanyak boleh ketika kita masih boleh menjana pendapatan.

Seperti kata pepatah "bersusah-susah dulu, bersenang-senang kemudian!"

Peringatan: Orang yang



MENIKMATI percutian yang menyenangkan juga boleh dicapai jika kita mempunyai ciri-ciri kewangan yang sihat.



di dimiliki mereka yang mempunyai tahap kewangan yang baik.

pat menjaga anda semasa da tua adalah diri anda sendiri ketika muda sekarang.

Keupayaan untuk memeri pelajaran anak yang menjamin pekerjaan.

Anak dan cucu memerlukan persediaan untuk mendapat pekerjaan yang dapat menjamin masa depan.

Malah, pulangan paling ik untuk keluarga anda adalah melabur dalam pelajaran yang cukup untuk rak. Graduan universiti oleh menjana pendapatan hih dua kali ganda pendapatan seumur hidup seorang

lepasan SPM dan empat kali ganda pendapatan seumur hidup bagi mereka yang berhenti sekolah.

Sebaik-baiknya, dana mesti disediakan apabila kegunaannya diperlukan.

Kita patut melatih anak kita memilih jalan yang boleh membawa mereka kepada kehidupan yang baik.

● **Keupayaan untuk membayar secara tunai untuk barangan runcit.**

Kehidupan harian memerlukan perbelanjaan harian. Adalah penting bagi seseorang yang mempunyai kewangan

yang baik membayar secara tunai untuk barangan yang diperlukan.

Anda mungkin membayar barangan runcit dan barangan keperluan dengan kredit tapi pastikan anda membayar penuh pada setiap bulan.

Jika tidak, pembayaran faedah tambah dengan harga pembelian akan meningkatkan harga pengguna dan ia akan membantutkan kesihatan kewangan.

● **Keupayaan untuk bertahan ketika menghadapi kecemasan seperti keadaan kewangan yang teruk bagai-**

kan tsunami tanpa meminjam wang atau memberi kesan yang teruk kepada keadaan kewangan anda.

Kebanyakan kegawatan kewangan bersifat jangka pendek. Keluarga yang mempunyai keadaan kewangan yang baik dapat membayar sekurang-kurangnya enam bulan perbelanjaan mereka daripada 'dana kecemasan'.

Kehilangan pekerjaan, dibuang kerja atau kerja diturun taraf adalah sesuatu yang berada di dalam jangkaan dan bukan sesuatu yang boleh memberhentikan kehidupan.

Sesebuah keluarga mungkin boleh ditimpa kemalangan, malapetaka semula jadi atau krisis kewangan yang teruk.

Keluarga yang mempunyai keadaan kewangan yang sihat boleh mengharungi cabaran ini dan tidak menderita teruk kerananya.

● **Keupayaan untuk hidup sepenuhnya, termasuk percutian, rekreasi dan aktiviti keluarga.**

Adalah benar bahawa hidup terus berlaku sambil kita terus membuat perancangan. Oleh itu, kita mesti berhati-hati untuk hidup pada masa kini dan beringat-ingat untuk hari mendatang.

Orang yang mempunyai keadaan kewangan yang sihat dapat mengimbangi pengalaman peluang masa kini sambil membuat persediaan untuk masa akan datang.

Sesetengah orang berpendapat bahawa semua keluarga harus pergi bercuti setiap tahun.

Percutian, rekreasi dan masa rehat adalah kritikal untuk gaya hidup kewangan yang sihat.

Ita bukan semuanya untuk masa kini, dan bukan semuanya untuk masa hadapan.

Ita adalah berkaitan dengan mencapai keseimbangan.

Kesimpulan

Memperoleh kesihatan kewangan yang baik adalah satu kemungkinan. Ia tidak berlaku secara tidak sengaja dan sekiranya diperoleh, ia tidak dikekalkan dengan cara tidak sengaja.

Adakah anda perasan bahawa setiap ciri-ciri kesihatan kewangan yang baik mencerminkan 'sifat' yang didorongi untuk mencapai keadaan kewangan yang sihat?

Berita baik untuk kita semua adalah keadaan kewangan anda boleh didefinisikan dan boleh dicapai. Ingat, bagaimana sekali pun keadaan kewangan anda sekarang, masih ada harapan.

Jika anda memerlukan bantuan, sila hubungi kami dan kaunselor terlatih kami sedia membantu.

Kami berharap anda beroleh manfaat daripada siri artikel ini, terutama pada masa mencabar seperti sekarang.

Jika anda terlepas mana-mana artikel kami, sila lawati laman web kami www.akpk.org.my.

Tunggu kedatangan artikel kami bertajuk "Adakah Saya Memerlukan Pengurusan Hutang". Sementara itu, cuba terapkan ciri-ciri yang dibincangkan di atas ke dalam amalan kita.

Nota: AKPK adalah sebuah agensi ditubuhkan Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan secara percuma kepada individu mengenai pendidikan kewangan, kaunseling dan program pengurusan kredit.

Ia boleh dihubungi di talian bebas tol 1800 88 2575, laman web di alamat www.akpk.org.my atau layari www.youtube.com atau www.facebook.com.

AKPK sedang menjual edisi kedua buku 'Money Sense' dan edisi Bahasa Malaysia dikenali 'Celik Wang' di 11 cawangannya di seluruh negara.